

02 MAR 2004

Pilihan Raya-Mahathir

DR MAHATHIR YAKIN BN AKAN MENANG MAJORITI LEBIH DUA PERTIGA

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa Barisan Nasional (BN) akan menang dengan majoriti lebih dua pertiga pada pilihan raya umum yang akan diadakan tidak lama lagi.

Berbanding dengan pilihan raya umum pada 1999, beliau berkata parti pembangkang telah menggunakan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk meraih undi.

"Tetapi orang ramai kini telah menerima apa yang telah dilakukan adalah betul.

"Ini akan lebih baik daripada 1999 (pilihanraya umum)," kata beliau apabila ditanya pemberita mengenai peluang BN pada pilihan raya umum ke-11 selepas menghadiri sidang media mengenai perkembangan terakhir Microchip Malaysia (MMChip) di sini hari ini.

Pada September tahun lepas, Malaysia mengambilalih hak cipta untuk mereka MMChip dan pengeluaran dan pemasarannya. Multiband RFID (generasi baru identifikasi frekuensi radio), MMChip berukuran 0.25 sq mm - kira-kira saiz satu perpuluhan - boleh dibenam di atas kertas.

Ia sangat berguna untuk pelbagai kegunaan seperti menggantikan tanda barkod pada barang runcit, untuk membezakan antara wang kertas tulen dan palsu dan juga di kad pintar.

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa MM di Jabatan Perdana Menteri, satu badan bebas bagi melulus dan mengawal kegunaan MM Chip yang mempunyai saingan antarabangsa dalam dan luar negara.

Dr Mahathir melepaskan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri pada 31 Okt tahun lepas dan digantikan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bekas Perdana Menteri itu berkata BN juga mempunyai peluang baik untuk merampas kembali Kelantan dan Terengganu, yang kini di bawah

perintah
kerajaan Pas.

Mengenai janji beliau membantu kempen BN, katanya beliau bersedia berkempen untuk BN. "Saya mesti kempen dan saya dah janji saya nak kempen."

Ditanya sama ada Umno atau parti komponen BN telah menjemput beliau memulakan kempen itu, Dr Mahathir berkata setakat ini beliau belum menerima sebarang jemputan.

"Belum lagi... belum ada program, belum tahu pun bila nak pilihan raya," kata beliau.

Sebelum beliau bersara sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir telah berjanji membantu BN pada kempen pilihan raya, terutamanya bagi Umno, walaupun beliau tidak akan mempertahankan kerusi parlimennya, Kubang Pasu di Kedah.

Dr Mahathir, yang juga penasihat pilihan raya negeri, juga ditanya siapa yang akan menggantikan beliau di Kubang Pasu.

Katanya terpulanglah kepada parti itu untuk memutuskan siapa yang akan dicalonkan di Kubang Pasu.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa beliau masih lagi berkuasa walaupun tidak memegang sebarang jawatan kerajaan atau parti, Dr Mahathir berkata: "Tak tahulah yang itu. Kalau dia dah fikir begitu dia boleh fikir apa-apa pun dia nak."

-- BERNAMA

HS AHH BK